

# empowerNCER kongsi ceria bersama asnaf, anak yatim

Bunita Haron (Nasional) 12/5/21 (Kabu) m/s: 18

**Taiping:** Sempena sambutan Aidilfitri, Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) menyampaikan sumbangan baju kurung kepada 24 pelajar Maahad Tahfiz An Nur Kamunting yang terdiri daripada kalangan asnaf dan anak yatim.

Sumbangan baju kurung daripada NCIA dengan kerjasama UMP Advanced Education (anak syarikat Universiti Malaysia Pahang) selaku penyedia perkhidmatan yang dilantik bagi pelaksanaan program Kemahiran dan Keusahawanan empower Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER).

Lebih istimewa, baju kurung berkenaan dihasilkan sendiri oleh peserta yang mengambil Kursus Jahitan empowerNCER.

Mereka mengukur saiz baju pelajar Maahad Tahfiz An Nur dan mula menjahit baju kurung itu pada awal Ramadan bagi penyerahan kepada semua pelajar bersempena sambutan Aidilfitri.

Seorang pelajar Maahad Tahfiz An Nur, Nur Kasih Izuani, 10, berkata dia bersama rakan terharu dengan sumbangan baju kurung berkenaan.

"Alhamdulillah, saya sangat gembira dengan pemberian ini dan terima kasih empowerNCER kerana menjahit baju ini untuk kami yang akan dipakai pada hari raya nanti. Kami berharap raya kali ini menjadi lebih bermakna," katanya.

Sementara itu, Ketua Eksekutif NCIA, Datuk Seri Jebasingam Isace John, berkata pihak empowerNCER mengambil peluang keberkatan Ramadan untuk berkongsi rezeki bersama pelajar Maahad Tahfiz An-Nur melalui program itu.

Aktiviti amal itu bertujuan menggalakkan peserta kursus jahitan di bawah program berkenaan turut membantu masyarakat yang memerlukan apabila berjaya menjadi usahawan nanti.

"NCIA sudah melaksanakan



Sebahagian pelajar Maahad Tahfiz An Nur Kamunting menerima sumbangan baju kurung dihasilkan oleh peserta empowerNCER. (Foto UMP Advanced)

pelbagai usaha dalam meningkatkan sosioekonomi rakyat, terutama golongan berpendapatan rendah (B40) untuk keluar daripada belunggu kemiskinan.

"Antara program yang dijalankan ialah pelbagai program latihan kemahiran dan keusahawanan empowerNCER di mana

peserta yang terpilih berpeluang mengikutinya tanpa perlu membayar sebarang yuran.

"empowerNCER adalah program yang dilancarkan NCIA untuk memenuhi hasrat kerajaan membantu golongan B40, termasuk golongan suri rumah, ibu tunggal dan belia bagi menjana

dan menambah pendapatan demi memperbaiki keadaan sosioekonomi keluarga," katanya.

Sebanyak lapan kursus percuma dijalankan di daerah Larut, Matang dan Selama membabitkan 200 peserta. Maklumat lanjut program, layari laman sesawang di [www.ncer.com.my](http://www.ncer.com.my).